

11/08/2001

Tindakan ISA langkah terakhir

Rokaid Chik

MACHANG, Jumaat - Tindakan kerajaan menahan 10 anggota dipercayai Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah langkah terakhir kerana kegiatan kumpulan itu berada pada tahap serius dan boleh memudaratkan keselamatan negara.

Langkah itu juga diambil bagi melindungi keselamatan rakyat dan mengelak kesan lebih buruk daripada berlaku.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najid Razak berkata, sebenarnya dalam sejarah negara, kerajaan jarang menggunakan ISA.

Malah, katanya, sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981, boleh dikatakan hampir semua tahanan ISA dibebaskan.

"ISA diguna sebagai langkah terakhir bagi mengelak kejadian buruk berlaku dalam negara, di samping tidak mahu dipersoalkan orang ramai yang meletakkan kesalahan kepada kerajaan apabila gagal bertindak jika berlaku kegiatan mengancam keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Mesyuarat Agung ke-33 Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Bahagian Kelantan, di Sekolah Menengah Sains Labok, di sini hari ini.

Hadir sama Presiden PBTM, Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani; Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Men Jen Datuk Mohamad Amin; Panglima Markas 8 Briged, Brig Jen Ramli Harun dan Ketua Umno Bahagian Machang, Ismail Mamat.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung penangkapan 10 anggota KMM termasuk anaknya, Nik Adli, 34, bermotifkan politik dan bertujuan memburuk-burukkan peribadinya.

Mohd Najib berkata, kritikan pembangkang dan pemimpin Pas mengenai penangkapan ISA bermotifkan politik demi kepentingan Umno adalah perkara biasa.

"Kalau bermotif politik, kerajaan tidak menangkap 10 anggota KMM, sebaliknya pemimpin besar Pas kerana merekalah yang boleh melumpuhkan Pas. Tetapi tangkapan itu adalah ahli atau pengikut biasa Pas," katanya.

Sementara itu, Mohd Najib menggalakkan bekas anggota tentera untuk menjadi petani moden berorientasikan komersial.

Beliau berkata, kementeriannya sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian untuk menjayakan program pertanian moden.

Katanya, bekas anggota tentera yang berminat akan diserapkan sebagai petani moden dan akan disediakan pelbagai kemudahan termasuk tanah, bantuan kewangan, kepakaran dan teknologi.

(END)